

Suspek kes bunuh kanak-kanak hadapi pertuduhan membunuh

SIBU: Suspek kes bunuh seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun di Jalan Rantau Panjang Jaya pada 28 Ogos lepas, dihadapkan ke Mahkamah Majistret Sibu semalam atas pertuduhan membunuh.

Bagaimanapun tiada pengakuan diambil daripada tertuduh yang berumur 49 tahun sebaik pertuduhan dibaca dan diterangkan kepadanya di hadapan Majistret Romario Jonoi di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, memandangkan kes bunuh adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Seksyen 302 memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun serta tidak lebih 40 tahun dan jika tidak dihukum mati, hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang 12 kali.

Mengikut pertuduhan yang dibacakan, tertuduh didakwa membunuh mangsa berumur lima tahun yang juga anak saudaranya di sebuah rumah di Lorong Rantau Panjang Jaya 3G pada 28 Ogos 2026, jam lebih kurang 1.30 tengah hari.

Terdahulu ketika prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth



TIADA PENGAKUAN: Tertuduh diiringi keluar dari Mahkamah Majistret Sibu, semalam setelah dibacakan dengan pertuduhan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Netto memberitahu kepada mahkamah bahawa kebenaran Pendakwa Raya, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 177A Kanun Tatacara Jenayah, masih belum diperolehi.

Menurut beliau, kebenaran tersebut masih belum diperolehi kerana pihak pendakwaan sedang dalam proses melengkapkan siasatan yang diperlukan serta mendapatkan laporan-laporan berkaitan untuk pertimban-

gan Pendakwa Raya.

“Laporan-laporan ini termasuk laporan bedah siasat, laporan ahli kimia dan laporan psikiatri,” ujarnya.

Menurut Mark lagi, memandangkan kebenaran Pendakwa Raya yang diperlukan masih belum diperolehi, beliau tidak memohon supaya apa-apa pengakuan direkodkan daripada tertuduh pada peringkat ini dan juga tidak memohon supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah

Tinggi Sibu pada ketika ini.

“Setelah pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh, saya dengan rendah diri memohon agar tertuduh direman dalam tahanan sementara menunggu penyempurnaan perkara-perkara siasatan yang masih belum selesai serta mendapatkan kebenaran daripada Pendakwa Raya.

“Saya juga dengan rendah diri memohon agar mahkamah ini menetapkan satu tarikh sebutan bagi memantau status kebenaran Pendakwa Raya tersebut,” jelasnya.

Dalam pada itu, tertuduh turut menghadapi satu lagi pertuduhan iaitu menyalahgunakan dadah berbahaya iaitu Amphetamine dan Methamphetamine, satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu ketika ditahan di Balai Polis Sentral pada 28 Ogos 2026, jam lebih kurang 8 malam.

Tiada pengakuan diambil daripada tertuduh dan mahkamah menetapkan 22 Oktober ini sebagai tarikh sebutan kes.